

KESAN DEMOKRASI DAN PENDEMOKRASIAN DALAM PARTI BARISAN NASIONAL

(*The Impact of Democracy and Democratization in the Barisan Nasional Party*)

Izairuddin Isnin, & Muhamad Nadzri Mohamed Noor & Jamaie Haji Hamil*

ABSTRAK

Di dalam sistem demokrasi, pilihan raya merupakan dimensi penting dalam menentukan tahap demokrasi di sesebuah negara. Perbincangan mengenai demokrasi dan pendemokrasian oleh para sarjana telah bermula di zaman Plato lagi. Setiap sarjana mempunyai tafsiran dan takrifan yang tersendiri tentang corak pentadbiran ini. Artikel ini bertujuan untuk melihat kesan demokrasi dan pendemokrasian terhadap politik Malaysia dalam konteks pengekalan dan perubahan rejim parti Barisan Nasional (BN). Artikel ini juga turut meneroka analisis teoritikal demokrasi dan pengelasannya. Turut dibincangkan adalah mengenai proses pendemokrasian termasuk faktor-faktornya yang mencabar sesuatu kuasa pemerintahan. Rekabentuk kajian secara temu bual separa berstruktur terhadap enam orang responden kajian yang terdiri daripada pengamal politik di Malaysia. Dapatkan kajian ini disokong dengan sumber sekunder iaitu kajian kepustakaan dipilih untuk mencari jawapan sebenar bagi membincangkan demokrasi dan pendemokrasian terhadap rejim di dunia serta jatuh bangun di arena politik di Malaysia. Dapatkan kajian dianalisis dari hasil temu bual enam orang ahli politik yang membantu memperkayakan dapatan kajian ini. Kajian ini dijangka dapat membuktikan amalan demokrasi mengalami jatuh bangun kesan daripada proses pendemokrasian serta amalan elit politik di dalam pertembungan bersama politik pluralis yang semakin terpancar mengikut peredaran dunia. Kesan daripada politik di Malaysia menunjukkan kegagalan kerajaan dalam memahami inspirasi dan iltizam rakyat yang secara tidak langsung memberikan kesan buruk kepada kelangsungan parti pemerintah nasional secara keseluruhannya

Kata kunci: Ketahanan Rejim, Demokrasi, Pendemokrasian, Politik Plural, Barisan Nasional

ABSTRACT

In a democratic system, elections are an important dimension in determining the level of democracy in a country. Discussions on democracy and democratization by scholars have begun in Plato's time again. Each scholar has his or her own interpretation and definition of this pattern of administration. This article aims to look at the impact of democracy and democratization on Malaysian politics in the context of maintaining and changing the Barisan Nasional (BN) party regime. This article also explores the theoretical analysis of democracy and its classification. Also discussed is the process of democratization, including the factors that challenge a governing power. The study design was a semi -structured interview with six study respondents consisting of political practitioners in Malaysia. The findings of this study are supported by secondary sources that is a literature review selected to find real answers to

discuss democracy and democratization of regimes in the world and the ups and downs in the political arena in Malaysia. The findings of the study were analyzed from the results of interviews of six politicians which helped to enrich the findings of this study. This study is expected to prove that the practice of democracy has experienced ups and downs as a result of the democratization process as well as the practice of political elites in the clash with pluralist politics that is increasingly reflected in the circulation of the world. The impact of politics in Malaysia shows the government's failure to understand the inspiration and commitment of the people which indirectly adversely affects the survival of the national ruling party as a whole.

Keywords: Resilience of the Regime, Democracy, Democratization, Plural Politics, Barisan Nasional

PENGENALAN

Sejak tahun 1970an sehingga sekarang, politik Malaysia didominasi oleh faktor-faktor yang hampir sama. Parti politik dibangunkan dengan gabungan parti dan dimatikan sekitar personaliti politik seperti Tun Dr. Mahathir, Anwar Ibrahim, Najib Razak, Muhyiddin Yassin, Ahmad Zahid Hamid, Abdul Hadi Awang dan Lim Kit Siang.

Dalam masyarakat di Malaysia, politik gabungan agak sukar digugat oleh parti-parti tetapi tidak bergabung atau bekerjasama dengan parti lain (Horowitz, 1985). Semenjak PRU tahun 1955, *United Malay National Organization* (UMNO), *Malaysia Chinese Association* (MCA) dan *Malaysian Indian Congress* (MIC) bekerja sama menerusi gabungan yang dikenali sebagai Perikatan, tidak mampu digugat oleh parti-parti pembangkang yang sentiasa bertanding bersendirian sehingga PRU tahun 1969.

Kekalahan parti Barisan Nasional (BN) pada 9 Mei 2018 telah menamatkan dominasi parti itu selama enam dekad di mana wujudnya pemerintahan *one-party dominant system* yang bersifat “*electoral authoritarianism*” (Schedler, 2006). Kini, masih belum ada sebuah parti yang mencengkam pemerintahan begitu lama yang berdasarkan demokrasi. Barisan Nasional (BN) yang dahulunya Parti Perikatan disimbolkan “Cap Kapal” dan “Dacing” pada logo parti masing-masing itu mengambil tempat sebagai salah sebuah parti politik yang berkuasa melebihi setengah abad di dalam sesebuah negara di dunia.

Barisan Nasional (BN) adalah antara rejim yang paling lama mempertahankan corak demokrasinya seperti demokrasi ala-Malaysia (Chandra Muzaffar, 1986), *quasi-democracy* (Zakaria Ahmad, 1989), *semi-democracy* (Case, 1993), *statist-democracy* (Jesudason 1995) *neither democratic nor authoritarian* (Crouch, 1995) *soft authoritarian* (Means 1996), *pseudo-democracy* (Case 2011) dan *semi-authoritarian* (Takiyuddin, 2018). Penguasaan rejim Barisan Nasional (BN) dalam pemerintahan selama 44 tahun dan selama 61 tahun sebelumnya oleh Parti Perikatan, antara parti politik yang paling lama di dunia menguasai sesebuah rejim menimbulkan persoalan menarik untuk dikaji dan diselusuri

Parti Barisan Nasional (BN) ditubuhkan pada tahun 1974 yang merupakan sebuah parti yang masih berkuasa setelah melalui sembilan pilihan raya dan mengekalkan keharmonian dalam kalangan masyarakat walaupun wujud dalam sistem demokrasi (Jesudason 1996). Dominasi rejim ini dalam kancang politik Malaysia selama ini berkait rapat dengan amalan politik berteraskan permuafakatan, perkauman, pecah dan perintah, pengawalan dan pembangunan (Badrul Azmier, 2008). Dasar dan polisi politik elit antara kaum yang terhasil daripada rejim Barisan Nasional yang berkuasa dan mengekalkan amalan feudal yang konstruktif dengan mempunyai beberapa ciri-ciri Barisan Nasional (BN) iaitu

licin dalam ekonomi, budaya dan sosio politik kaum yang mewakili parti itu sehingga berjaya mengekalkan kuasanya selama enam dekad.

Namun kajian politik Malaysia yang dikaji secara menyeluruh amatlah terhad dengan melihat dari sudut model pluralis berikutan bersifat praktis politik Malaysia banyak tertumpu dan berpaksi di persekitaran elit namun perkembangan politik Malaysia pada jangka masa antara PRU 2004 hingga menjelang PRU 2008 dan seterusnya telah menunjukkan perubahan amalan yang lebih pluralistik. Banyak aktiviti yang mencabar dalam kuasa elit politik yang semakin rancak di medan mata masyarakat. Hal ini demikian kerana, kajian yang lalu mengenai cabaran dan kuasa serta kesan terhadap politik masih kurang dikaji dan diperluaskan kajiannya dari segi memperbanyakkan bahan rujukan, sumber, kategori bahan secara dalam bentuk korpus politik dan sebagainya.

Oleh itu, kajian ini hanya ingin menelusuri teori demokrasi, pendemokrasian di dunia dan amalan demokrasi serta pendemokrasian dan seterusnya merumuskan pendemokrasian dan amalan demokrasi di Malaysia. Kajian ini juga dilihat mampu menjadi bahan rujukan dan sumber kepada pengkaji seterusnya serta membantu untuk pemahaman kesan terhadap pendemokrasian politik. Artikel ini juga membincangkan tentang kesan pendemokrasian politik terhadap parti Barisan Nasional di Malaysia.

KAJIAN LEPAS

Demokrasi

Demokrasi secara umumnya ialah satu corak pemerintahan atau sistem politik yang berasaskan kepentingan rakyat. Menurut Parenti (2002) berhujah demokrasi merupakan kebebasan untuk didengar dan bebas dari penindasan aspek sosial dan ekonomi yang menggambarkan hak dan keadilan. Demokrasi bermaksud kuasa oleh rakyat yang punyai autoriti untuk menentukan pemerintahan berdasarkan majoriti (Mohd Faisal Syam, 2004; Ober, 2008). Demokrasi yang diamalkan di sesebuah negara di dunia bukan sahaja memberikan pengertian istilah malah mengandungi nilai, penghayatan teori, amalan yang berbeza-beza dari segi perspektif, dimensi dan corak. Demokrasi dapat diertikan sebagai pemerintahan yang dari rakyat dan untuk rakyat (Huntington 1991). Hujahan ini turut mendapat perhatian dari ramai yang menuntut keadilan pendemokrasian dari negara demokrasi.

Seterusnya, demokrasi dikenali sebagai satu hamparan yang luas tidak hanya mencakupi sistem politik malah ianya mencakupi sistem ekonomi, sistem sosial dan kemanusiaan. Grugel (2002), menyatakan bahawa demokrasi adalah bentuk pemerintahan yang hak untuk membuat keputusan politik digunakan secara langsung oleh setiap warga negara melalui sistem pemerintahan majoriti. Demokrasi juga satu bentuk pemerintahan yang penting dan sebagai pegangan sebahagian besar negara di dunia. Sistem demokrasi dalam pemerintahan yang membenarkan rakyat menyertai proses menggubal undang-undang dan memiliki hak yang setara dalam pengambilan keputusan dan dapat mengubah kehidupan. Demokrasi ini terhasil proses pemikiran, polemik dan perdebatan yang panjang.

Pendemokrasian Dunia dan Malaysia

Horowitz (2000) melihat konflik politik dalam kalangan masyarakat yang berbilang etnik bukan sahaja melibatkan soal persaingan kekuasaan malah ianya bermula dengan dominasi

ekonomi dan akhirnya mengundang prejudis. Huntington (1993), menyatakan bahawa terdapat tiga fasa pendemokrasian dunia politik. Fasa pertama (1828-1926) memperlihatkan kegagalan demokrasi untuk menyumbang kepada kesejahteraan kehidupan negara tersebut. Fasa kedua (1943-1962) di mana kejayaan Amerika dan sekutu semasa Perang Dunia Ke-2 menghidupkan kembali demokrasi sebagai sistem kehidupan bernegara. Fasa ketiga (*The Third Wave of Democratization*) bermula sekitar 1970, menyaksikan 30 negara di Amerika Latin, Eropah Timur dan Asia telah bertukar corak pemerintahan dari autoritarian kepada negara demokrasi seperti Argentina, Sri Lanka, India dan Malaysia. Fukuyama (1992) dalam karya *The End of History and The Last Man* melihat demokrasi barat sebagai model terbaik bagi sistem politik dengan tidak melihat secara mendalam dari dimensi sejarah penjajahan dan kesan kapitalisme barat yang meresap melalui demokrasi ini.

Rejim Barisan Nasional antara negara yang paling lama mempertahankan corak demokrasinya seperti demokrasi ala-Malaysia (Chandra Muzaffar, 1986), quasi-democracy (Zakaria Ahmad 1989), demokrasi menurut acuan sendiri (Saliha 1991), *semi-democracy* (Case, 1993), *double edged democracy* (Khoo Boo Teik, 1995), *statist-democracy* (Jesudason 1995) *neither democratic nor authoritarian* (Crouch, 1995) *soft authoritarian* (Means, 1996), *pseudo-democracy* (Case 2011). Khoo (2003) berpendapat bahawa Nilai Asia merupakan satu konsep yang mengutamakan kestabilan sebuah pemerintahan lebih dari kepelbagaiannya politik. Dasar kepada Nilai Asia ini mengutamakan kepimpinan kerajaan yang bersifat autoriti bagi mengekalkan kemakmuran ekonomi. Kebanyakan negara Asia Tenggara mempunyai trajektori pembangunan politik yang amat jauh berbeza dengan yang lain (Fukuyama, 2014).

Banyak aspek demokrasi yang bukan hanya mementingkan minoriti sesuatu kaum atau bangsa dalam kerakyatan negara malahan pula warganegara dengan undi dalam pilihan raya kepada wakil-wakil. Undi yang terbanyak dan terpilih itu akan berkuasa telah diberikan lebih berat melalui satu sistem demokrasi. Malaysia adalah negara yang terbaik dalam politik demokrasi namun tergugatnya kepimpinan dalam politik pada PRU ke-14 telah menyebabkan Barisan Nasional jatuh dan kebangkitan parti pembangkang. Hal ini dapat dilihat dengan negara yang mempunyai kerapuhan etnik, kepercayaan rakyat dan hubungannya seperti di Indonesia. Indonesia adalah negara yang mempunyai kerapuhan etnik dan tidak pernah muncul pada abad ke-19 yang hampir sama dengan Nigeria. Selain itu, negara yang mempunyai acuan penjajahan British dilihat dari negara Singapura dan Malaysia yang dikenali ciptaan langsung (*direct creation*).

Sistem demokrasi ini terhasil dari sistem beraja yang berperlembagaan dan berparlimen yang tidak sepenuhnya dikenali sebagai demokrasi liberal yang pernah dibahaskan oleh hujahan Fukuyama tetapi lebih mirip kepada demokrasi separa atau demokrasi authoritarian. (Case, 2009; Zakaria, 1997; Milne & Mauzy, 1999). Malah Levitsky dan Way (2002) turut berhujah bahawa Malaysia bukan sebuah negara demokrasi kerana sering mencabuli prinsip-prinsip demokrasi. Takiyuddin (2018) menganggap pelaksanaan semi-autoritarian menjadi tunjang dalam pemerintahan. Sistem politik Tanah Melayu banyak dipengaruhi oleh faktor sains sosial politik yang bercorak sosio-budaya dalam kalangan masyarakat Melayu yang menerusi autonomi dan kuasa (Gullick, 1972).

Kesan Pendemokrasian yang Menggugat Politik

Di Malaysia umpamanya, proses pendemokrasian muncul apabila krisis kewangan yang muncul pada 1997 melanda ekonomi Asia Tenggara. Isu krisis mata wang dan kegawatan

ekonomi yang berlaku di Malaysia pada tahun 1997 serta pemecatan Anwar Ibrahim pada tahun 1998 ketika itu memberikan ruang penyatuan masyarakat politik dan masyarakat sivil di jalanan dengan laungan “Reformasi” dan terwujud parti baru iaitu Parti Keadilan Rakyat (PKR). Ini adalah buat pertama kalinya kerjasama masyarakat politik dan masyarakat sivil menonjolkan protes kepada pemerintah iaitu Barisan Nasional (BN). Himpunan kesedaran dan usaha masyarakat ini yang menyebabkan kepudarhan dan penolakan mereka terhadap Barisan Nasional (BN) dan menjunamkan suara mereka di dalam PRU 1999 (Weiss, 2001, 2003; Gomez, 2004).

Menurut Ghazali et. al (2019), sejak dari pemikiran Socrates era Greek-Yunani sehingga sekarang ideologi demokrasi telah berkembang selari dengan perkembangan konsep seperti negara bangsa, keadilan sosial, *general will*, kontrak sosial, modernisasi, kapitalisme, hak rakyat awam dan penyertaan rakyat. Wujud hubungan yang kukuh di antara demokrasi dan masyarakat mencakupi kehidupan bermasyarakat dan bernegara. Menurut Mujib et al. (2010) menyatakan bahawa demokrasi jelas dihambat dengan masalah perkauman dan ianya berkait rapat dengan kuasa elit-elit kaum masing-masing menerusi permuafakatan dan perkongsian kuasa. Gabungan ini yang menyebabkan faktor permuafakatan, perkauman, pecah perintah, pengawalan dan pembangunan menjadi asas kekuatan Barisan Nasional (BN) mendominasi politik Malaysia. Perkembangan ini selari dengan idealisme demokrasi, hak masyarakat yang sering dijadikan sebagai kayu ukur dalam sistem politik demokrasi atau sebaliknya. Oleh itu, sebuah negara demokrasi dapat mewujudkan sistem demokrasi yang berdasarkan kepada rakyat dan selari dengan perkembangan kemajuan negara.

Kesan daripada pendemokrasian ini menyebabkan elemen-elemen permaufakatan tergugat dengan amalan paksaan dan boleh menimbulkan konflik antara ahli politik. Walaupun elemen-elemen permuafakatan masih wujud, kesan daripada itu dapat mengakibatkan tergugat kedudukan seperti perkongsian kuasa antara elit pemerintah, rundingan dan sebagainya. Hal ini dilihat apabila tiada sepakatan namun permuafakatan itu dianggap sebagai formaliti sahaja kerana secara realitinya, UMNO bertindak secara hegemoni dalam permuafakatan serta menguatkan pengaruh dan kekuatannya termasuk memperkenalkan undang-undang dan dasar yang menyebelahi kaum Melayu. Lijphart, Milne dan Mauzy (1999), menyatakan bahawa situasi permuafakatan di Malaysia ini sebagai ‘permuafakatan paksaan’ kerana setiap kelompok itu sudah tidak lagi terlibat dalam proses tawar-menawar tetapi boleh menyebabkan hegemonik UMNO yang bersifat berat sebelah. Elemen-elemen kawalan yang diperkenalkan selepas 1969 dan dikuatkan lagi ketika 1980-an dalam politik Tun Dr. Mahathir telah menyebabkan penurunan elemen permuafakatan, malah ianya menguatkan amalan paksaan (*coercion*) serta autoritarian hingga mengukuhkan hegemoni politik UMNO dalam Barisan Nasional (BN) (Muazy, 1993). Kawalan ini mencetuskan mekanisme terhadap pengurusan konflik secara permuafakatan paksaan (*coercive consociationalism*). Mauzy menyatakan lagi politik ini boleh menggugat keamanan dan melabelkan ini sebagai suatu ‘hegemoni kumpulan kebal yang pragmatik’ menyifatkan situasi tidak juga demokrasi mahupun mempunyai permuafakatan.

Menelusuri Epistemologi Demokrasi

Demokrasi dari sudut ilmu secara sederhana dapat ditinjau dari pendapat March dan Olsen (1995) demokrasi adalah sebagai budaya, keyakinan, dan *etos* yang dikembangkan melalui interpretasi dan praktiknya kepada kerajaan dalam membentuk demokrasi moden. Schmitter dan Karl (1991) mendapati perbezaan tahap demokrasi melibatkan pelaksanaan komponen-

komponen seperti persetujuan bersama, kesaksamaan akses, pemerintah yang responsif, pemerintahan oleh majoriti, kedaulatan parlimen, kerajaan oleh parti, kemajmukan dalam pemerintahan, sistem persekutuan mahupun berpresiden, dan peranannya sebagai penimbang. Demokrasi amat dekat dengan bentuk institusi konflik yang terus menerus dan tidak ada kepastian serta sistem yang memungkinkan parti politik itu tewas dalam pemilihan (Przeworski, 1986). Schattschneider (1960), menyatakan bahawa demokrasi adalah sistem politik yang mempunyai persaingan politik, kepemimpinan dan membina organisasi-organisasi dalam menerapkan kebijaksanaan dan kepintaran dalam menguasai politik sehingga memberi pengaruh kepada masyarakat sehingga mereka mengambil bahagian dan membolehkan rakyat berani proses pengambilan keputusan. Oleh itu, jelas dilihat demokrasi sebagai satu pertandingan yang diaturkan oleh badan tertentu dalam sistem tertentu serta mempunyai pihak yang menang dan kalah.

Proses demokrasi pula mempunyai sejarahnya yang melahirkan pelbagai corak dan kaedah demokrasi. Sesebuah negara demokrasi langsung kepada demokrasi liberal menunjukkan perkembangan demokrasi yang dinamik dan berbeza mengikut konteks dan nilai yang digunakan. Shaw (2013), menyatakan bahawa demokrasi adalah pemilihan pengganti pihak yang tidak kompeten di mana banyak persetujuan dan persepakatan yang diseleweng. Golub (2000) menyatakan demokrasi juga melibatkan urusan tadbir urus secara penuh tanggungjawab, akauntabiliti dan efektif.


Demokrasi diberi beberapa maksud mengikut pemahaman sarjana namun gambaran yang kelam dapat diperoleh hasil daripada sorotan yang dibuat. Melalui penghayatan demokrasi ini sebenarnya adalah proses yang sebenarnya telah menempuh tahun yang begitu lama dan usia yang sangat tua sehingga memberi makna yang lebih mendalam tentang politik dan membantu bagi memahami kekusutan bagi menilai sesebuah negara itu. Demokrasi ini mewujudkan kesan dan impak dari elemen akauntabiliti pemerintahan terhadap rakyatnya iaitu kebebasan membentuk dan bergabung dalam organisasi, hak memilih dalam pilihanraya dan institusi awam, kebebasan bersuara, persaingan dalam kalangan pemimpin, pilihanraya bebas dan telus, kebebasan media dan adanya beberapa organisasi yang menjamin kepentingan dasar agar terpelihara dan terjaga Dahl (1998).

Menelusuri Pengelasan Demokrasi di Dunia

Secara umumnya, demokrasi terdiri daripada penelusuran demokrasi dari pandangan sarjana sains politik secara ringkas. Sudut pandangan dan pengelasan demokrasi yang diamalkan di sesebuah negara dapat dibezaikan melalui komponen dan elemen yang ada di dalam amalan berdemokrasi di sesebuah negara. Dari pandangan sarjana-sarjana mengenai kajian demokrasi politik ini menyatakan tiada ketetapan yang dapat diberi definisi. Hal ini kerana demokrasi ada proses politik dan perdebatan mengenai demokrasi sebelumnya.

David dan Steven (1998) membincangkan terdapat jenis-jenis demokrasi yang kini berkembang di dunia sehingga ia menjadi 550 jenis mengikut aras analogi pengukuran dan pengelasan. Walau bagaimanapun menurut hujahan David dan Steven (1998), terdapat empat pengelasan jenis demokrasi iaitu daripada rejim autoritarian sehingga rejim demokrasi penuh. Analogi yang dihujahkan ialah bermula dari rejim autoritarian, demokrasi elektoral, demokrasi liberal dan demokrasi penuh. Berdasarkan pengelasan demokrasi ini terdapat sarjana demokrasi juga membina model ilustrasi pengukuran demokrasi seperti mana yang dihujahkan oleh Andreas (1998) di dalam Journal of Democracy yang bertajuk “*What Is Democratic Consolidation*” iaitu:

Rajah 1: Aras Demokrasi



Sumber : Adaptasi dari Andreas Schedler (1998)

Model ilustrasi yang didapati ini menunjukkan terdapat sub jenis demokrasi yang berkembang sejak demokrasi kuno hingga pada hari ini seperti mana bentuk kepimpinan dalam demokrasi terpimpin, demokrasi liberal, semi-demokrasi, *pseudo-democracy*, demokrasi elektoral, demokrasi terbatas, demokrasi konsolidasi.

Epistemologi Pendemokrasian oleh Sarjana

Pemahaman pendemokrasian secara lebih sederhana adalah apabila demokrasi menjurus kepada karektor politik yang menjalankan agenda yang terdapat dalam demokrasi itu sendiri seperti kebebasan berorganisasi, kebebasan media, bebas memberi pandangan, pilihanraya yang bebas. Manakala pendemokrasian merupakan sebuah proses peralihan daripada sistem yang tidak demokratik kepada rejim yang lebih demokratik dan terbuka. Uhlin (1998), pendemokrasian adalah proses perubahan rejim bukan demokratik kepada sebuah rejim yang lebih demokratik pada masa yang tertentu. Oleh yang demikian, demokrasi berbeza dengan pendemokrasian. Huntington (1995), memberi penjelasan bahawa anjakan pendemokrasian berlaku dan mensyaratkan kepada 3 perkara iaitu: (1) berakhirnya sebuah rejim autokrasi, (2) terbina rejim pemerintahan yang demokratik dan (3) konsolidasi rejim demokratik. Kesan daripada demokrasi ini menggugat rakyat dan golongan elit-elit politik pula menjatuhkan sesebuah rejim autoritarian serta melakukan perubahan di dalam merencanakan pemerintahan dengan pasukan politik yang lebih demokratik. Perencanaan golongan elit-elit politik itu bertindak bersesuaian dengan persepsi mereka mengenai kepentingan, nilai dan visi mereka.

Dalam proses pendemokrasian, prinsip yang amat penting demokrasi mula diterapkan dengan nilai dan perasaan demokrasi dalam kalangan rakyat dan juga pemimpin. Ghali (1996) telah membuktikan pendemokrasian adalah satu proses pembukaan penglibatan yang lebih kepada masyarakat serta mengurangkan ciri-ciri pemerintahan kuku besi. Pendemokrasian dijadikan sebagai alat untuk mencapai demokrasi yang mempunyai satu proses yang melunaskan prinsip-prinsip demokrasi dalam sesebuah negara yang terdiri daripada hak untuk berpolitik, hak kesaksamaan, pilihanraya yang adil dan pematuhan undang-undang. Proses pembukaan ini yang membawa kepada penglibatan masyarakat serta ke arah kepuddaran pemerintahan kuku besi. Ini adalah jelas seperti yang dinyatakan (Ghali, 1996,1) iaitu:

"democratization is a process which leads to more open, more participatory, less authoritarian society. Democracy is a system of government which embodies, in a variety of

institutions and mechanisms, the ideal of political power based on the will of the people". (Ghali, 1996)

Selain itu Miroff et al. (2010) menjelaskan bahawa pendemokrasian adalah proses membuat keputusan dan sejauh mana keputusan tersebut menjamin hak semua orang dan adil. Implikasi kepada itu banyak negara mula menyaksikan keghairahan ke arah pendemokrasian yang menuntut supaya model dan pendekatan baru. Ahli politik yang bergandingan menguasai akan cuba menggunakan sedaya upaya usaha dengan mengharungi cabaran yang pluralistik. Di Malaysia, pergolakan dalam politik Melayu dikesan semakin parah selepas pilihan raya umum 2008. Terdapat sebanyak lima buah negeri yang dikuasai oleh parti pemerintah iaitu Barisan Nasional (BN) terdiri daripada gabungan tiga parti terbesar mewakili etnik Melayu, Cina dan India seperti UMNO (*United Malay National Organization*), MCA (*Malaysia Chinese Association*), MIC (*Malaysian Indian Congress*) dan parti-parti di Sabah dan Sarawak yang mewakili kaum di sana telah jatuh ke tangan pembangkang. UMNO yang merupakan parti terbesar orang Melayu hilang banyak kerusi Parlimen dan Dewan Undangan Negeri (DUN) (Suhana Saad et.al 2012).

Pendemokrasian ini yang menjadikan acuan politik dari beberapa proses yang diadaptasi kepada model demokrasi dalam sistem pemerintahan secara beransur-ansur sehingga membentuk sebuah negara yang lebih matang dari autoritarian, semi-demokratik atau semi-autoritarian kepada sistem politik pemerintahan demokratik. Terdapat juga sesebuah rejim yang kembali semula kepada sebuah kerajaan yang tidak demokratik kerana dikuasai semula oleh rejim tentera di mana rejim tentera turut mengambil alih kuasa pemerintahan seperti mana yang berlaku di Pakistan dalam Asia serta rejim di benua Afrika yang berjuang demi pendemokrasian tetapi dalam waktu yang sama perebutan kuasa kembali kepada rejim tentera seperti mana hujah oleh Ayesha (2001). Pendemokrasian ini tidak semestinya sama di setiap negara. Keperluan sesebuah negara di dalam perubahan politik walaupun tidak semua yang berjaya melakukannya. Secara tidak langsung, dapatlah dijelaskan bawa kesan tergugatnya demokrasi memberi kesan buruk kepada negara dan perlu diteliti dengan baik agar dapat mencapai demokrasi yang mematuhi prinsip-prinsip demokrasi dalam sebuah sistem politik negara.

Menelusuri Sudut Faham Teori Pendemokrasian

Pendemokrasian atau demokrasi merupakan dua istilah yang tidak boleh dipisahkan antara satu sama lain. Pendemokrasian boleh dilihat sebagai satu proses, aktiviti, pengisian, penambahbaikan kepada demokrasi itu sendiri terhadap sesebuah negara yang mengamalkannya. Menurut Moller dan Skaanning (2013) Penentu kepada pencapaian demokrasi yang sihat melalui *minimalist democracy* yang dipelopori oleh Joseph A. Schumpeter atau pada tahap yang lebih tinggi iaitu *liberal democracy* ang dipelopori oleh Guillermo O'Donnell. Menurut Moller dan Skaanning (2013) pengertian demokrasi melalui *minimalist democracy* adalah seperti:

"the democratic method is that institutional arrangement for arriving at political decisions in which individuals acquire the power to decide by means of a competitive struggle for the people's vote." (Moller & Skaanning 2013:31).

Berdasarkan pandangan Moller & Skanning, (2013) demokrasi adalah satu penerimaan rakyat dalam politik yang bersifat individu dan mempunyai kuasa politik. Teorell

(2011) pula menjelaskan bahawa satu bentuk perubahan rejim di mana proses perubahan ke arah sebuah negara yang lebih demokratik. Pemahaman ini adalah sejajar dengan pandangan Teorell (2010) yang dibahas dan berkait rapat dengan pemahaman Huntington (1991) tentang gambaran pendemokrasian di sesbuah negara. Selain itu, teori pendemokrasian ini membuktikan konflik adalah perkara yang sering berlaku dalam dunia politik sebagai masalah “struktur-agensi” seperti mana yang diujahkan Moller dan Skaaning (2013). Ramai sarjana yang mengkaji mengenai demokrasi dan pendemokrasian ini berpandangan yang sama bahawa terdapat dua arah teori yang dominan iaitu teori yang menekankan pandangan teori struktur dan pandangan yang menumpukan perhatian kepada teori agensi. Kebanyakan teori yang bincangkan oleh sarjana sebelum ini hanya mempunyai unsur struktur atau elemen agensi di dalamnya tetapi gabungan kedua-duanya atau dengan satu teori yang mendominasi di dalam pengujahan itu.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan kaedah tinjauan secara kaedah kualitatif. Williams (2007) menyatakan bahawa kajian kualitatif merupakan suatu pendekatan yang menyeluruh bagi memperoleh penemuan kajian dan prosedur penyelidikan yang menghasilkan data gambaran yang boleh di amati (Lexy J, 2007). Pengkaji mengambil pendekatan dengan menggunakan kaedah kajian dengan meneliti bahan kepustakaan. Kaedah kajian kepustakaan ini meliputi sumber-sumber yang diperoleh dari buku-buku, bab dalam buku, jurnal, artikel, tesis sarjana dan Ph.D. Selain daripada itu majalah dan laman sesawang serta akhbar juga turut dijadikan sebagai sumber rujukan. Bahan kepustakaan ini diperoleh dari beberapa tempat atau lokasi perpustakaan utama yang menjadi pilihan bagi mendapatkan dapatan sokongan dari kajian lalu dan informasi yang berkaitan dengan kajian ini.

Kajian ini juga menggunakan kaedah temu bual berstruktur dan bersepara berstruktur. Temubual berstruktur dibuat melalui temu janji yang formal manakala tidak berstruktur pula temubual yang dibuat secara tidak formal dan soalan juga secara spontan. Kedua-dua cara temubual sangat membantu kajian dalam mendapatkan maklumat yang diperlukan. Di mana Temu bual ini dijalankan mengikut soalan yang dibina dan menambah soalan mengikut kesesuaian semasa sesi temu bual dijalankan. Kajian ini menggunakan pendekatan analisis kualitatif iaitu hujah dari idea akan diperkuat dengan rujukan sumber dari pendapat sarjana terdahulu. Juga menggunakan pendekatan sejarah kerana sejarah dan peristiwa masa lampau turut berperanan dalam membuktikan kejadian masa kini adalah dari kesan masa lampau.

DAPATAN KAJIAN

Kajian ini mengambil kira pandangan dan pendapat responden tentang demokrasi dan pendemokrasian politik dalam pentadbiran negara terutamanya dalam parti Barisan Nasional. Pendapat dari temubual memperkuat hujah dari idea yang dibahaskan. Secara keseluruhannya, terdapat 6 orang responden yang ditemubual bagi membantu memperkuat dapatan kajian tentang demokrasi dan pendemokrasian negara.

Hasil dapatan kajian ini mengemukakan dimensi demokrasi di bawah Barisan Nasional (BN) dikawal yang memberi kesan ke atas politik negara. Demokrasi dikawal adalah acuan demokrasi yang diamalkan di Malaysia. Atau sering juga disebut demokrasi cara Malaysia. Maksudnya demokrasi mesti dikawal jika tidak dikawal ia akan mudah

melemahkan pemerintah yang berkuasa. Cara kawalan itu sering disebut oleh Crouch (1996) sebagai semi-demokrasi atau demokrasi separuh matang. Di satu pihak pilihan raya adalah salah satu eleman demokrasi tetapi dalam amalan pilihan raya itu ia dikawal dalam banyak perkara. Ini akhirnya kemenangan dalam pilihan raya itu mesti berpihak kepada parti yang sedang memerintah.

Untuk memperkuat hujah bahawa demokrasi di bawah Barisan Nasional (BN) adalah bersifat kawalan maka seperti menurut hujahan (R1; 2021 temubual), wujud akta-akta yang mengawal aras demokrasi negara serta penguatkuasaan undang-undang digunakan di dalam menrencatkan proses pendemokrasian. Sepatutnya ianya digunakan untuk mengendalikan sebarang perhimpunan rakyat dengan baik tetapi ianya berlaku sebaliknya. Penguatkuasaan di bawah kuasa pemerintah berperanan menguatkuaskan undang-undang di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA), Akta Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (1998), Akta Mesin Cetak dan Penerbitan (1984) dan selainnya seperti mana dihujah oleh (R4; 2021 temubual). Ini dilihat sebagai alat untuk menafikan tokoh-tokoh pembangkang tertentu untuk disoal siasat bagi menafikan hak mereka. Undang-undang yang bersifat kawalan ini menggambarkan bahawa pemerintah menggunakan undang-undang untuk mengekang perasaan dari segi perjalanan pendemokrasian. Di dalam meningkatkan amalan demokrasi juga, undang-undang yang bersifat kawalan ini juga menrencatkan ahli-ahli Parlimen menyuarakan usul yang dilihat boleh menyumbang kepada proses pendemokrasian. Di dalam usaha mereka untuk bersuara dan melakukan kritikan terhadap parti pemerintah yang dianuti, terdapat kekangan tertentu di bawah akta-akta yang berkuatkuasa.

Selain itu, demokrasi perlu wujud sistem sokongan dan gabungan besar. Demokrasi mempunyai peranan untuk memenangi hati rakyat di bawah demokrasi yang bersifat kawalan. Kerajaan bukan sahaja perlu mengimbangi di antara keselamatan dan kelangsungan hidup rakyat, malah berdepan dengan persoalan demokrasi (R2, R3, R5 & R6, 2021; temubual). Hak demokrasi rakyat di bawah parameter masyarakat pelbagai etnik masih diteruskan. Ini disebabkan demokrasi di Malaysia adalah demokrasi secara tidak langsung dengan amalan kepimpinan berpentadbiran.

Hasil dapatan kajian ini mendapati bahawa kesan daripada pendemokrasian negara juga merupakan kuasa yang menggubal undang-undang dan struktur kerajaan ini ditentukan oleh rakyat seperti mana pandangan (R1 & R4 2021; temubual). Pandangan mereka juga menjelaskan bahawa dalam sistem demokrasi, undang-undang digubal oleh rakyat atau wakil yang dipilih oleh rakyat. Responden juga menerangkan bahawa kerajaan yang mengamalkan sistem demokrasi dipanggil negara atau kerajaan yang demokratik. Kesan demokrasi ini dapat yang menggugat rakyat apabila tiada ketegasan daripada pihak politik dengan penggunaan akta-akta yang tegas yang terdiri daripada tatanegara terlibat dalam membuat keputusan tentang perkara-perkaranya, lazimnya dengan undi untuk memilih wakil-wakil bagi sebuah parlimen atau perhimpunan serupa.

Berdasarkan responden (R2, R3, R5 & R6 2021; temubual), demokrasi di Malaysia mengikuti lunas dan pilihan pemerintahan oleh rakyat terutamanya aspek peraturan majoriti dan mempunyai kuasa tertingginya yang diberikan kepada kepimpinan politik. Secara tidak langsung melalui satu sistem perwakilan biasanya secara berkala dan mengadakan pilihan raya bebas. Dapatan ini menunjukkan kesan demokrasi ini menggugat kepercayaan rakyat apabila parti-parti itu tersendiri mempunyai ideologi masing-masing. Dapatan ini menunjukkan elemen utama yang membolehkan ahli politik mendapat kedudukan menggantikan kerajaan melalui pilihan raya bebas dan adil. Hal ini menyebabkan banyak perlindungan hak asasi semua rakyat dengan kaedah undang-undang dan prosedur dapat

digunakan secara sama rata dalam kalangan semua rakyat. Walau bagaimanapun, impaknya, politik ini menumpukan kepada peluang untuk orang ramai mengawal pemimpin mereka dan membuang pemimpin tanpa revolusi. Demokrasi akan wujud, tetapi terdapat dua bentuk dasar, yang kedua-duanya berkaitan bagaimana rakyat dalam melaksanakan kehendak mereka. Sebuah bentuk demokrasi ialah demokrasi langsung yang semua warganegara yang layak mempunyai penyertaan aktif dan langsung dalam membuat keputusan politik.

Demokrasi sesebuah negara bekas jajahan dan campuran sistem tradisional serta konservatif ini tidak sesuai dibandingkan dengan model demokrasi barat kerana latar belakang dan ciri-ciri yang jauh berbeza. Kini berdasarkan demokrasi di Malaysia yang semakin matang walaupun bergerak secara perlahan kini pluralisme memainkan peranannya sebagai satu episod di dalam demokrasi di Malaysia. Kajian ini mengisi lompatan yang kurang disentuh dengan memfokuskan kepada demokrasi Barisan Nasional (BN), elemen elitisme yang lebih ketara oleh rejim Barisan Nasional dan elemen pluralistik di dalam penentuan ketahanan dan perubahan rejim di Malaysia. Ini disokong oleh kenyataan (R1 2021; temubual) iaitu “...demokrasi benar-benar berlaku pada kerajaan pada tahun 2018. Barisan Nasional memperoleh majoriti dua per tiga sebab ada pencemaran demokrasi”. Hujahan awal bahawa proses pendemokrasian telah mewujudkan satu sistem politik Malaysia baru dan secara tidak langsung telah melemahkan rejim Barisan Nasional (BN) yang lebih bersifat elitis.

Walaupun rejim Barisan Nasional (BN) bertindak sepenuhnya dengan mendominasi selama enam dekad namun tidak mampu untuk menggugat angin perubahan yang diidamkan oleh majoriti rakyat yang lebih pluralistik. Justeru pengkaji melihat amalan pluralisme dalam politik mencetuskan satu fenomena baru. Kebanyakan sarjana Barat telah melihat demokrasi secara liberal kepada hak asasi manusia. Pengkaji melihat bahawa konsolidasi demokrasi tidak ditekankan agar ia lebih diselusuri dari segi bentuk dan cabaran bagi sesebuah negara. Malah idea demokrasi liberal ini dijadikan sebagai pengukuran dan perbandingan kepada negara-negara membangun dan bekas penjajahan. Dalam sebuah negara yang mengamalkan corak pemerintahan demokrasi, fenomena perpecahan memang wujud. Jika perpecahan dan pergolakan di kalangan orang Melayu tidak dapat ditangani, bagaimanakah proses pembentukan negara bangsa seperti yang dihasratkan (Suhana Suid et.al 2012).

KESIMPULAN

Kini masyarakat Malaysia terutama generasi muda melihat pendekatan pluralisme lama yang digunakan adalah tidak lagi sesuai dan lapuk. Malah mereka menuntut cara dan pendekatan baru dalam melaksanakan konsep pluralisme tersebut. Ini membawa maksud bahawa proses pendemokrasian telah mula subur di Malaysia. Pengkaji melihat wujud satu fenomena baru di dalam landskap politik di Malaysia daripada pemerintahan elit yang lebih ketara iaitu Barisan Nasional (BN) telah diberi persaingan oleh Parti Keadilan Rakyat (PKR) yang lebih pluralis di dalam memperjuangkan rakyat pelbagai kaum. Maka perjuangan untuk keadilan dan ke sama rataan masyarakat pelbagai kaum mula menyusup dalam perjuangan generasi pada ketika itu. Pengkaji melihat dari aspek amalan elitisme dalam kalangan Barisan Nasional (BN) kini diberi satu tentangan oleh kelompok politik pluralis yang bercambah melalui Parti Keadilan Rakyat (PKR). Maka perlulah satu kajian yang lebih empirikal dan mendalam di dalam memerihalkan fenomena pertembungan kelompok elit Barisan Nasional (BN) dengan satu corak politik yang baru yang dipanggil politik pluralis di dalam arena jatuhan bangun Barisan Nasional di dalam pemerintahannya terutama semenjak tahun 1998 hingga kejatuhan

kekuasaan Barisan Nasional (BN) pada PRU-14. Tanpa kesuburan demokrasi dan pendemokrasian di Malaysia sukar BN untuk ditumbangkan. Kejatuhan BN dalam PRU-14 membuktika elemen kawalan itu sudah mula longgar dan ini kerana pendemokrasian itu cuba diamalkan oleh BN lantaran tuntutan dari rakyat pasca PRU 2008 lagi.

PENGHARGAAN

Penulisan ini sebahagiannya dibiayai oleh Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia melalui Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS/1/2020/SSO/UKM/02/03).

RUJUKAN

- Ayesha, S. (2001). "Pakistan's Arms Procurement and Military Build-up, 1979-1999. In *Search of a Policy*". Palgrave Press, March 2001, ISSN 0333731727
- Bachrach, P., & Baratz, M. (1977). *Power and Poverty: Theory and Practice*, London: Oxford University Press.
- Badrul Azmier Mohamed @ Bakar. (2008). Lima Puluh Tahun Dominasi Barisan Nasional Dalam Politik Malaysia: Suatu Analisis dlm. Worran Hj. Kabul, Shireen Haron, Mat Zin Mat Kib dan Abdul Kadir Rosline *Prosiding Seminar Politik Malaysia Landskap Politik Malaysia Pasca Pilihan Raya Ke-12*. Shah Alam: UPENA.
- "Barisan Nasional coalition set to win another term", 9 April 2018, <http://country.eiu.com/article.aspx?articleid=386598022&Country=Malaysia&topic=Politic> [Diakses pada 29 Ogos 2020].
- Bottomore, T. (1996). *Elite dan Masyarakat*. Jakarta: Akbar Tanjung Institute
- Case, W. (1993). *Semi-Democracy in Malaysia: Withstanding the Pressure for Regime Change*. Pasific Affair, 66, no. 1.
- Crouch, H. (1996). *Goverment and Society in Malaysia*. St. Leonard, NSW: Allen & Unwin.
- Field & Higley dlm Adam Kuper & Jessica Kuper. (2000). *Ensiklopedia Ilmu-Ilmu Sosial*. Jakarta Raja Grafindo Persada, hlm 285
- Furnivall, J. S. (1948), *Colonial Policy and Practice*. London: Cambridge University Press.
- Gerald O'Collins dan Edward G. Farrugia. (1996), *Kamus Teologi*. Yogyakarta: Kanisius, 257-258.
- Golub, S. J. (2000). Democracy as Development: A Case for Civil Society Assistance in Asia. Dlm. Ottaway, M. & Carothers, T. *Funding Virtue*, hlm. 135-158. Washington DC: Carnegie Endowment for International Peace.
- Ghali, B. B. (1996). *Agenda for Democratization*. New York: United Nation Publication.
- Grugel, J. (2002). *Democratization: A Critical Introduction*. London: Palgrave Mamilian.
- Gullick, J. M. (1972). *Sistem Politik Bumiputera Tanah Melayu Barat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Gunitsky, S. (2017). *Aftershocks: Great Power and Domestic Reform in the Twentieth*, Princeton: Princeton University Press.
- Golub, S. J. (2000). Democracy as Development: A Case for Civil Society Assistance in Asia. Dlm. Ottaway, M. & Carothers, T. *Funding Virtue*, hlm. 135-158. Washington DC: Carnegie Endowment for International Peace.
- Lasswell, Harold & Daniel Lerner. (1952). *The Comparative Study of Elite*. California: Stanford University Press.

- Haikal Mujahid. (2011). *Etika Dan Kekuasaan: Pemikiran Niccolo Machiavelli Atas Etika Dan Kekuasaan Dalam Ranah Politik*. Universitas Islam Negeri Syarif Hidayatullah, Jakarta, Indonesia (UIN).
- Huntington. S. P. (1991). *The Third Wave: Democratization in The Late Twentieth Century*. University of Oklahoma Press.
- Huntington, S.P. (1995). *Gelombang Demokrasi Ketiga*. Terjemahan. Asril Marjohan. Jakarta: Pustaka Utama Grafiti.
- Ilyas Abdullah, Jamaie Haji Hamil & Sity Daud. (2021). *Budaya Politik Melayu Trengganu*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ilyas Abdullah, Jamaie Haji Hamil & Sity Daud. (2018). *Pendekatan Pilihan Rasional: Analisis Budaya Politik Melayu Trengganu. Sains Insani*. Universiti Sains Islam Malaysia. Vol 3, No 1. Hal : 81-91.
- Jamaie Haji Hamil. (2003). Kepimpinan Politik: Pola Kepimpinan Politik UMNO. *Jurnal Akademika* 62 (Januari) 200.7: 17-39.
- Jamaie Haji Hamil. (2018). *UMNO Dalam Politik Dan Perniagaan Melayu*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Melayu.
- Jesudason, J. V. (1996). ‘Statist Democracy and the Limit to Civil Society in Malaysia’, *Journal of Commonwealth and Comparative Politics*, 33(3): 335-356
- Lerner, D. (1958). *The Passing of Traditional Society*. New York: The Free Press. <http://psycnet.apa.org> record. [Diakses pada 5 Januari 2020].
- Lipset, Solari dalam J.W. Scoorl. (1982). *Modenisasi, Pengantar Sosiologi Pembangunan Negara-Negara Sedang Berkembang*. Jakarta:Gramedia, hlm 128.
- Khoo Boo Teik, (1995). *Paradoxes of Mahathir. An Intellectual Biography of Mahathir Mohamad*. Oxford University Press,
- March, J. P. Olsen. (1995). *Democratic Governance*: New York Free Press.
- Mauzy, D.K. (1993): Malay Political Hegemony and Coercive Consociationalism. Dlm. McGarry J.& O’Leary B. *The Politics of Ethnic Conflict Regulation*. London: Routledge.
- Mazlan Ali, Zulkarnain Abdul Rahman & Amer Saifude Ghazali. (2012). *Perkembangan Politik Kuala Lumpur, 1969-1999*. Dlm. Demokrasi dan Pilihan Raya, *Jurnal Pusat Kajian Demokrasi dan Pilihan Raya Universiti Malaya* (UMCEDEL) Jilid Volume Bil. No. Januari-Jun 2012.
- Mazli Bidu & Jamaie Haji Hamil. (2018). *Neofeudal UMNO: Kajian Di Nusajaya, Johor*. Petaling Jaya: SIRD.,
- Michels, R. (1962). *Political Party: A sociological study of the oligarchical tendencies of modern democracy*. New York: The free Press
- Miroff, B., Seidelman, R., Swanstrom, T., & Luca,D, T. (2010). *The Democratic debate: American politic in an age of change* (5th ed). United States: wadsworth Cengage Learning.
- Moeliono, Anton M., (eds.), (1991), *Kamus Besar Bahasa Indonesia*. Jakarta: Balai Pustaka.
- Mohd Faisal Syam Abdol Hazis. (2004). Demokrasi Digital di Malaysia. Dlm. Mohd Faisal Syam Abdol Hazis, Ahmad Nizar Yaakub & Ahi Sarok. *Perkembangan Politik-Ekonomi di Malaysia dan Asia Timur*, hlm. 1-19. Kota Samarahan: Universiti Malaysia Sarawak.
- Mohammad Nadzri Muhammed Noor. & Jamaie Haji Hamil. (2018). Politik Pengundi dan Faktor Melayu: Analisis Terhadap Kegagalan BN dalam PRU-14. *Jebat: Malaysian Journal of Historis, Politics and Strategis Studies*. Vol 45 (2). Disember 2018. Hal:

386-408.

- Muhamad Takiyuddin Ismail. (2018). *Bantuan Demokrasi di Malaysia: Melewati Pertukaran Rejim*.
- Mujibu, A.Zaliha & Badrul. (2010). “Perubahan generasi dan perkembangan demokrasi di Malaysia pasca pilihan raya umum ke-12”. *Pembentangan Seminar Nasional Resilience (SNAR 2010) Political Management and Policies in Malaysia*.
- Parenti, M. (2002). *Democracy for the few*. United States: Thomson Learning.
- Samuel P. Huntington. (1997). *Gelombang Demokratisasi Ketiga*. Jakarta: Grafitti, 1997.
- Santrock, J. W. (2003). Psychology. USA: McGraw-Hill Education, 430-435; Robert S. Feidman, *Essentials of Understanding Psychology, Fifth Edition*, (USA: McGraw Hill Higher Education, 254-255.
- Schedler, Andreas (2006), The Logic of Electoral Authoritarianism, in: Andreas Schedler (ed.), *Electoral Authoritarianism: The Dynamics of Un-free Competition*, Boulder: Lynne Rienner, 1–23.
- Schattschneider, E. E. (1960). *The Semisovereign People*. New York: Holt, Rinehart and Winton.
- Schmitter, P. C. & Karl, T. L. (1991). What Democracy Is... and Is Not. *Journal of Democracy*, Vol. 2, No. 3: 75-88.
- Stepan, A. (1989). *Democratizing Brazil: Problems of Transition and Consolidation*. New York: Oxford University Press.
- Uhlen, A. (1998). *Oposisi Berserak: Arus Deras Demokratisasi Gelombang Ketiga di Indonesia*. Terjemahan Rofik Suhud. Penerbit Mizan. Bandung.
- Wade, G. (2014). The Origins and Evolution of Ethnocracy in Malaysia. *The Asia-Pacific Journal*. Vol 7, No 7. Article ID 3259

MAKLUMAT PENULIS

IZAIRUDDIN ISNIN

Program Sains Politik
Pusat Kajian Sejarah, Politik dan Hal Ehwal Antarabangsa
Fakulti Sains Sosial Dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia
izairuddinizai@yahoo.com

MUHAMAD NADZRI MOHAMED NOOR

Program Sains Politik
Pusat Kajian Sejarah, Politik dan Hal Ehwal Antarabangsa
Fakulti Sains Sosial Dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia
nadzri@ukm.edu.my

JAMAIE HAJI HAMIL (PENGARANG KORESPONDEN)

Program Sains Politik
Pusat Kajian Sejarah, Politik dan Hal Ehwal Antarabangsa
Fakulti Sains Sosial Dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia
jamaie@ukm.edu.my